



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,010 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **98,228 kes** (81.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 4 Januari 2021, Malaysia telah merekodkan kes harian baharu sebanyak 1,741 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **120,818 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 22,089 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lapan (8) kes import yang mendapat jangkitan dari luar

negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,733 kes.

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **687 kes (39.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **541 kes (78.7 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sabah sebanyak **303 kes (17.4 peratus)** dan Johor sebanyak **295 kes (16.9 peratus)**.

Sebanyak **32 kes (1.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas (10 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (9 kes), Kluster Tembok Choh (6 kes), Kluster Tembok Gajah (3 kes), Kluster Tembok (2 kes), Kluster Tembok Mempaga (1 kes), dan GK Tawau (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **122 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **53 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tujuh (7) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **501 kes (0.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
495	72926	Sabah	Lelaki (WN)	65	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
496	90554	Johor	Lelaki (WN)	67	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit darah tinggi
497	106846	Sabah	Perempuan (WN)	83	Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik

498	108319	Pahang	Lelaki (WN)	45	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit hati dan <i>Retroviral</i>
499	108646	Sabah	Perempuan (WN)	50	Hospital Keningau	-
500	118341	Selangor	Perempuan (WN)	68	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
501	118722	Johor	Perempuan (WN)	60	Hospital Segamat	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 4 Januari 2021, terdapat sebanyak **537 kluster** telah dilaporkan termasuk **lima (5) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **306 kluster** termasuk enam (6) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Batu Sembilan, Kluster Saguing, Kluster Monsoon, Kluster Buntar, Kluster Sky Coklat, dan Kluster Gading. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **231 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **50 kluster**

melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Jalan Duyong (95 kes), Kluster Jalan Perindustrian (81 kes) dan Kluster Hentian (73 kes).**

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5)** kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN DUYONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 31 Disember 2020 melalui saringan bersasar di sebuah syarikat. Sehingga 4 Januari 2021, sejumlah 536 individu telah disaring, di mana **110 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER PASAR JALAN SENTOSA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-118272) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 4 Januari 2021, sejumlah 293

individu telah disaring, di mana **61 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN NAKHODA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Disember 2020 melalui saringan bersasar di sebuah syarikat. Sehingga 4 Januari 2021, sejumlah 99 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER EHSAN IBOL

Kluster ini melibatkan daerah Hulu Perak, Larut, Matang, dan Selama di Perak serta daerah Gombak di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-111642) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 4 Januari 2021, sejumlah 40 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TELOK MAS

Kluster ini melibatkan sebuah pusat tahanan di daerah Melaka Tengah di Melaka. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-114991 dan kes ke-114993) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Januari 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Sehingga 4 Januari 2021, sejumlah 33 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

4 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 4 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	303	38,172
SELANGOR	687 (2)	35,167
WP KUALA LUMPUR	150 (5)	14,364
NEGERI SEMBILAN	56	8,138
JOHOR	295	6,900
PULAU PINANG	55	4,160
PERAK	34	3,367
KEDAH	45	3,189
WP LABUAN	1	1,722
PAHANG	12	1,443
MELAKA	34	1,383
SARAWAK	8 (1)	1,148
KELANTAN	50	934
TERENGGANU	4	363
WP PUTRAJAYA	6	321
PERLIS	1	47
JUMLAH KESELURUHAN	1,741 (8)	120,818

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,741 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 4 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 687 kes**

- 267 kes daripada kluster-kluster, termasuk 109 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Duyong** dan **Kluster Pasar Jalan Sentosa**;
- 274 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 144 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 303 kes**

- Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 220 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 77 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 295 kes**

- 174 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 74 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 47 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 150 kes**
 - 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Nakhoda**;
 - 63 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
 - 55 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 56 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 55 kes**
 - 33 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 50 kes**
 - 25 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 45 kes**
 - 29 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 34 kes**
 - 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ehsan Ibol**;
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 34 kes**
 - 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Telok Mas**; dan
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Pahang: 12 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Lapan (8) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Empat (4) kes**
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Perlis: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.